

Newspaper	Berita Harian
Date	17/08/2014

# Ambil peluang lanjut pengajian teknikal, vokasional: Muhyiddin

(BH-17/8/2014)  
» Bidang kemahiran mempunyai prospek kebolehpasaran tinggi

Oleh Zuraidah Mohamed dan S Anand Kumar  
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru

**K**ewujudan pelbagai institusi pendidikan berfokuskan akademik dan kemahiran memberi peluang kepada pelajar di negara ini untuk mendapatkan pendidikan pada peringkat yang lebih tinggi, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, laluan itu juga adalah antara usaha Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan penyesuaian kursus yang dipelajari mereka dengan kehendak industri di negara ini.

### TVET jadi pilihan utama

Beliau berkata, selain akademik, bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) menjadi pilihan utama dalam kalangan pelajar yang cenderung bidang kemahiran, selain berharap ia dapat meningkatkan peluang pekerjaan kepada go-



Muhyiddin diiringi Zaini (dua dari kiri) melawat gerai pameran selepas majlis penutupan Karnival Pengajian Tinggi Negara 2014 di Dataran UTM di Skudai, semalam.

(FOTO ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN/BH)

longan terbahit.

"Dalam era globalisasi dan K-ekonomi, pendidikan TVET bukan lagi dilihat sebagai laluan kedua tetapi perlu dilihat sebagai laluan pertama oleh semua pelajar memandangkan bidang ini mempunyai prospek kebolehpasaran yang tinggi selepas mereka menamatkan pengajian.

"Sehubungan itu, saya ingin mengesyorkan dan menggalakkan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan setaraf untuk

“**Perkembangan itu juga penting bagi menambah bilangan dan peratusan tenaga kerja berkemahiran tinggi di negara ini**”

Muhyiddin Yassin,  
Timbalan Perdana Menteri

Negeri Johor, Datuk Ismail Karim, Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan, Datuk Seri Dr Zaini Ujang dan Naib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Wahid Omar.

Muhyiddin berkata, beliau percaya perkembangan itu juga adalah penting bagi menambah bilangan dan peratusan tenaga kerja berkemahiran tinggi di negara ini, selain usaha kementerian untuk meningkatkan kemahiran serta pendapatan dalam kalangan graduan.

### MTUN tawar pelbagai kursus

"Penubuhan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) terdiri daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Universiti Malaysia Perlis dilihat tepat pada masa kerana turut menawarkan pelbagai bidang pengajian teknikal dan vokasional pada peringkat diploma dan ijazah pertama," katanya.

Sementara itu, Muhyiddin berkata jumlah pengunjung ke karnival berkenaan sentiasa meningkat sejak ia mula dianjurkan pada tahun 2005.

"Sepanjang tempoh 10 tahun pengajuran karnival ini, ia mencatatkan bilangan pengunjung di luar jangkaan iaitu melebihi dua juta orang sehingga tahun lalu. Kehadiran ini menunjukkan kesungguhan ibu bapa dan pelajar untuk mendapatkan maklumat peluang mengenai pengajian tinggi," katanya.

mengambil peluang melanjutkan pengajian mereka dalam bidang pendidikan teknikal dan latihan vokasional," katanya.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata demikian ketika berucap pada majlis penutupan Karnival Pengajian Tinggi Negara 2014 Ke-10 di Dataran Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin, Setiausaha Kerajaan